

PNB terus catat prestasi terbaik

Oleh NUR HANANI AZMAN

ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 27 MAC

ASET di bawah pengurusan (AUM) Permodalan Nasional Bhd. (PNB) sebanyak RM266.5 bilion pada 2016 meningkat 4.6 peratus berbanding RM254.6 bilion tahun sebelumnya, walaupun berdepan persekitaran ekonomi yang mencabar.

Pengerusinya, Tan Sri Abdul Wahid Omar berkata, PNB mengurus 12 dana unit amanah berjumlah 212.3 bilion unit setakat 31 Disember 2016, 97 peratus dalam dana harga tetap, manakala baki tiga peratus atau 7.3 bilion unit dalam dana harga berubah-ubah yang menunjukkan peningkatan kukuh sebanyak 23.7 peratus.

Katanya, PNB berbangga kerana berupaya mengagihkan dividen berjumlah RM13.9 bilion pada tahun lepas, menjadikan angka terkumpul dividen yang diagihkan berjumlah RM157.5 bilion sejak 1981.

Jelas beliau, ia seterusnya menjadikan jumlah purata dividen termasuk bonus untuk dana harga tetap PNB adalah pada kadar 6.87 sen pada 2016.

"Bagi peranan 2017, PNB tetap berwaspada namun optimis pertumbuhan global terus meningkat secara sederhana di samping jaminan kenaikan kadar faedah Amerika Syarikat (AS) dan ketidaktentuan harga komoditi yang berterusan.

PNB

Permodalan Nasional Berhad

"PNB akan terus fokus mengoptimalkan peruntukan aset, meningkatkan prestasi ekuiti awam domestik, meningkatkan pendanaan dalam ekuiti persendirian dan pendapatan tetap, merasionalisasi dan meningkatkan pelaburan hartanah serta mempelbagaikan aset global," katanya dalam taklimat mengenai perkembangan terkini PNB di sini hari ini.

Mengenai laporan bahawa PNB bakal mengambil alih Bank Rakyat, Abdul Wahid memberitahu, pihaknya sama sekali tidak pernah mendengar mahupun berbincang mengenai itu, sekali gus menepis khabar angin itu.

Beliau menjelaskan, PNB sememangnya sedang mengimbangkan semula peruntukan asetnya dengan mengalihkan tunai ke dalam pendapatan tetap secara beransur-ansur sebagai strategi untuk meningkatkan hasil portfolio keseluruhan.

Tambahnya, tindakan itu menyokong pasaran pendapatan tetap domestik serta meningkatkan pelaburan swasta, seperti yang dapat disaksikan menerusi pembangunan Projek Lintasan Kota Holdings Sdn. Bhd. (Prolintas) dan pengambilalihan Sistem Lintaran Lebuhraya Kajang Sdn. Bhd. (SILK). "PNB menasihatkan untuk memperce-

ASNB telah memperuntukkan sejumlah RM138 juta untuk pengagihan pendapatan ASG, yang akan memberi manfaat kepada lebih 140,000 pemegang unit yang melanggan 3.1 bilion unit.

ABDUL WAHID OMAR
Pengerusi PNB

patikan penyenaian unit infrastruktur Prolintas seluas lewat-lewatnya pada akhir 2018 atau awal 2019," katanya.

Pada taklimat sama, PNB mengumumkan agihan pendapatan sebanyak 6.0 sen seunit bagi Amanah Saham Malaysia (ASM) dan 6.5 sen seunit bagi Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB2) untuk tahun kewangan berakhir pada 31 Mac 2017.

Agihan pendapatan bagi ASM akan melibatkan pembayaran berjumlah RM1 bilion manakala ASB2 pula membabitkan pembayaran sebanyak RM384.7 juta.

Agihan pendapatan ASM berkenaan akan memberi manfaat kepada lebih 500,000 pemegang unit yang kini memiliki sejumlah 17.3 bilion unit, manakala agihan ASB2 akan memberi manfaat kepada lebih 200,000 pemegang unit yang memiliki kira-kira 7.4 bilion unit.

Sementara itu, ASNB telah memperuntukkan sejumlah RM138 juta untuk pengagihan pendapatan ASG, yang akan memberi manfaat kepada lebih

Foreign fund inflows into local equities finally turning positive

Net equity inflows (RM bil)



Anal through MGS and GII ownership is stabilizing

MGS & GII foreign ownership (%)
Net flow of MGS/GII (RM bil)



Strengthened outlook for the ringgit, which is essentially undervalued

MFR/US



berbanding
RM254.6b
2015

NAIK
4.6% =
RM266.5b
2016

Agihan
pendapatan 6 sen
seunit bagi ASM
(tahun kewangan
berakhir
31 Mac 2017)

Jumlah aset
di bawah
pengurusan PNB

Mengurus
12 dana unit
amanah

212.3b
unit dimiliki
12.9 juta
pemegang

140,000 pemegang unit
yang melanggan 3.1 bilion unit.

Pengagihan pendapatan untuk ketiga-tiga dana di bawah dana payung ASG iaitu ASG-Pendidikan, ASG-Kesihatan dan ASG-Persewaan masing-masing adalah pada kadar 4.50 sen seunit, 4.25 sen dan 5.15 sen seunit.

6.5 sen
seunit bagi
ASB2 (tahun
kewangan
berakhir
31 Mac 2017)